

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**Utusan Malaysia, Malaysia**

12 Jun 2014, by ekonomi@utusan.com.my

Business & Finance, page 17 - 200.00 cm²Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802
(MTWTF)

ID 263992489

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

MSM kaji semula harga gula

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Jun - MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) akan mengkaji semula harga gula tahun ini, yang dijangka memberi kesan dari segi margin keuntungan kepada pengeluar gula.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Abod berkata, bagi menangani perkara itu, MSM akan memberi fokus kepada mengoptimalkan kos pada tahun ini termasuk mengukuhkan pengurusan rantaian bekalan.

Katanya, MSM turut menjangka dapat mengekalkan prestasi keuntungan bagi tahun kewangan 2014 walaupun kerajaan mernansuhkan subsidi gula sebanyak 34 sen sekilogram.

"Kami melihat margin keuntungan bagi pengeluaran gula dijangka lebih rendah berbanding tahun lalu," katanya selepas mesyuarat agung tahunan MSM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Mohamad Amri Sahari dan Ketua Pegawai Keuangan MSM, Raja Faridah Raja Ah-

mad.

Menurut Sheikh Awab, seiring dengan matlamat untuk muncul sebagai hab gula menjelang 2016, buat masa ini MSM telah mengenal pasti tiga atau empat syarikat berpotensi di rantau Asia dan negara-negara Afrika bagi membentuk lebih banyak syarikat kerjasama serta menjalankan penggabungan dan pengambilahan (M&A).

Berhubung pembinaan kompleks kemudahan penapisan gula di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor, beliau berkata, pihaknya masih menunggu kelulusan lesen

dari Pihak Berkuasa Perkhidmatan Publik (PBPP) untuk mendapat lesen daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mandangkan perjanjian usaha sama sepatutnya ditandatangani dengan Al-Khaliej International Ltd. (AKI) pada Julai atau Ogos ini.


Pembinaan loji itu katanya, amat penting bagi MSM dalam strateginya untuk mengukuhkan pasaran di

Singapura yang kini MSM menguasai 32 peratus pasaran gula di negara tersebut.

"Apabila loji tersebut siap menjelang penghujung 2016, ia dijangka mampu menampung kapasiti pengeluaran gula bertapis sebanyak dua juta tan metrik setahun sekali guna dapat menarik pelaburan asing ke negara ini dan meletakkan MSM sebagai pemain global bagi pengeluaran gula," katanya.

MSM yang merupakan anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) telah menjalin kerjasama dengan AKI pada Mei lalu, bagi membina kompleks kemudahan penapisan gula termasuk terminal kapal dan kompleks logistik di Pelabuhan Tanjung Pelepas yang dianggarkan bernilai AS\$250 juta (RM800 juta) hingga AS\$270 juta (RM864 juta).

Kerjasama itu memperlihatkan MSM mempunyai pegangan sebanyak 51 peratus manakala AKI sebanyak 49 peratus.

**SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**